

# Wanita jual tiket loteri awam tanpa lesen didakwa

**KUCHING:** Mahkamah Majistret di sini semalam menjatuhkan hukuman denda RM20,000 atau penjara lapan bulan jika gagal membayar denda terhadap seorang wanita kerana melakukan penjualan tiket loteri awam tanpa lesen.

Majistret Mason Jaro Lenya Barayan menjatuhkan hukuman tersebut terhadap Rima Morshidi, 36, selepas dia mengaku bersalah atas kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 4A(a) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Seksyen tersebut memperuntukkan hukuman denda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak lebih daripada RM200,000 serta hukuman penjara sehingga lima tahun jika sabit kesalahan.

Rima melakukan kesalahan itu di sebuah

rumah di Kampung Bintang Ulu, Petra Jaya pada 26 Mac 2025, kira-kira jam 3.30 petang.

Menurut fakta kes, pihak polis telah menjalankan pemeriksaan di lokasi tersebut dan memeriksa telefon bimbit tertuduh.

Dia ditahan pada hari yang sama kerana disyaki menjalankan operasi penjualan tiket loteri awam secara haram.

Pihak berkuasa turut merampas beberapa barangan miliknya, termasuk sebuah telefon bimbit, pencetak mudah alih, dua keping tiket loteri awam serta wang tunai berjumlah RM885.

Analisis oleh pakar perjudian mengesahkan bahawa telefon bimbit tertuduh digunakan sebagai mesin penjualan tiket loteri awam.

Rima tidak diwakili peguam bela.